

## KENYATAAN MEDIA

---

### **SYARIKAT PENGENDALI LEBUH RAYA DIARAH MEMBUAT PERSEDIAAN RAPI UNTUK MENGHADAPI PENAMBAHAN TRAFIK SEMPENA TAHUN BARU CINA**

KAJANG, 28 Januari 2022 – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) menjangkakan jumlah aliran trafik yang menggunakan lebuhraya akan meningkat sehingga 4.6 juta kenderaan sehari sempena Cuti Hari Minggu dan Cuti Tahun Baru Cina. Pertambahan jumlah kenderaan ini dijangka akan berlaku secara berperingkat bermula 28 Januari 2022 sehingga 7 Februari 2022 nanti.

LLM ingin menasihatkan pengguna lebuhraya agar merancang perjalanan dengan mengikut jadual Cadangan Waktu Perjalanan atau *Travel Time Advisory* (TTA) yang telah dikeluarkan oleh pihak pengendali lebuhraya. Selain itu, pengguna juga diminta memastikan baki kad *touch 'n go* dan *e-wallet* adalah mencukupi serta menggunakan lorong yang betul untuk masuk dan keluar di plaza tol. Pengguna lebuhraya juga perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan terutamanya ketika berada di kawasan rehat & rawat (R&R) atau hentian sebelah (layby) bagi mencegah jangkitan COVID-19 daripada terus merebak.

Di samping itu, LLM juga telah mengarahkan kesemua Syarikat Konsesi Lebuhraya untuk melakukan persediaan rapi agar perjalanan pengguna lebuhraya adalah selamat dan lancar sepanjang tempoh berkenaan. Antara langkah – langkah yang perlu diambil adalah :-

- i. Melakukan pemeriksaan terhadap semua peralatan dan kemudahan yang disediakan di sepanjang lebuhraya berfungsi serta berada dalam keadaan baik terutamanya di plaza tol, kawasan rehat & rawat dan hentian sebelah.
- ii. Semua kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan penutupan lorong di laluan utama lebuhraya akan dihentikan bermula **28 Januari 2022 sehingga 7 Februari 2022** kecuali bagi kerja – kerja yang melibatkan kes – kes kecemasan sahaja.

## SIARAN SEGERA

- iii. Semua lorong di plaza tol akan beroperasi dan lorong berlapis tambahan akan disediakan di plaza – plaza tol yang dikenalpasti akan berlaku kesesakan. Petugas - petugas tambahan juga akan ditempatkan bagi membantu melancarkan transaksi tol.
- iv. Menambah jumlah anggota dan meningkatkan aktiviti rondaan di sepanjang lebuhraya bagi mempercepatkan tempoh tindakan untuk menangani sebarang kejadian yang berlaku di lebuhraya. jentera seperti kenderaan (towing truck) dan kren juga ditempatkan di lokasi tertentu bagi memastikan kerja – kerja pengalihan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan dialihkan dengan segera untuk meminimalkan gangguan terhadap aliran trafik.
- v. Bekerjasama dengan agensi penguatkuasa / bantuan kecemasan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JPBM) Agensi Pertahanan Awam (APM) dan ambulans dengan penempatan khusus di lokasi strategik bagi menyegerakan ketibaan pasukan bantuan kecemasan sekiranya diperlukan.
- vi. Memastikan aspek pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) & Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut diberikan penekanan bagi mengelakkan penularan COVID-19.

Selain itu juga, Pusat Pengurusan Trafik LLM akan beroperasi selama 24 jam mulai 28 Februari 2022 hingga 7 Februari 2022. **Pengguna lebuhraya boleh mendapatkan maklumat keadaan trafik atau bantuan dengan menghubungi Pusat Pengurusan Trafik, LLM di talian 1 – 800 – 88 – 7752. Maklumat keadaan trafik juga boleh diperolehi menerusi laman rasmi Facebook : Lembaga Lebuhraya Malaysia atau di Twitter @LLMinfotrafik.**

Selamat Tahun Baru Cina diucapkan kepada semua pengguna lebuhraya yang berbangsa Cina dan Selamat bercuti buat mereka yang bercuti seisi keluarga dan akan balik ke kampung bersempena dengan cuti umum yang panjang ini. Gong Xi Fa Cai.

**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA  
28 JANUARI 2022**